

LARAS BAHASA DALAM LIRIK LAGU “*HAKIM YANG BIJAKSANA*” (LANGUAGE REGISTER IN THE SONG LYRIC “*HAKIM YANG BIJAKSANA*”)

SITI NOOR RIHA SULONG* DAN NORMALIZA ABD RAHIM

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor.

*Corresponding author: sitinerihasurelong@yahoo.com

Abstrak: Lirik lagu merupakan ekspresi seseorang tentang sesuatu hal yang sudah dilihat, didengar mahupun yang sudah dialaminya. Dalam mengekspresikan pengalamannya, penulis atau pencipta lirik lagu akan melakukan permainan kata-kata dan bahasa untuk mencipta daya kreativiti dan daya tarikan terhadap sesuatu lirik lagu. Salah satu daya kreativiti dalam menghasilkan lirik yang berkualiti adalah dengan mempelbagaikan laras bahasa dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti laras bahasa yang digunakan dalam teks lirik lagu serta menganalisis kesesuaian penggunaan kata dalam lirik lagu “Hakim Yang Bijaksana”. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis teks dengan menjadikan teks lirik lagu “Hakim Yang Bijaksana” dari album “Pekaka Bercerita” terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai bahan analisis. Sehubungan dengan hal itu, untuk menganalisis kesesuaian penggunaan laras dan kata dalam lirik lagu akan dilakukan dengan merujuk kajian peristiwa oleh Asmah Haji Omar (1977) sebagai kunci utama dalam mencapai objektif-objektif kajian yang telah digarap. Hasil kajian mendapati bahawa struktur laras bahasa yang digunakan dalam bait-bait lagu ini adalah sangat penting dalam memastikan tahap kepengaruhan karya tersebut kepada khalayak umum khususnya kepada kanak-kanak.

Kata kunci: Laras, bahasa, pemilihan kata, lirik lagu, karya sastra.

Abstract: Song lyric is an expression of someone towards matters that has been seen, heard or faced. In expressing experiences, writer would play with the creativity in choices of words and language in producing a unique and interesting song lyric. One of the creativity is by using various language register in producing a work. Thus, this research aimed to identify the language register used in the lyric text and to analyse the suitability of words selection in the song lyric “Hakim Yang Bijaksana”. Method used in this research is text analysing by making the song lyric text “Hakim Yang Bijaksana” from the album “Pekaka Bercerita” produced by Dewan Bahasa dan Pustaka as the subject. In order to analyse the language register and words in the song lyric, case study by Asmah Haji Omar (1977) has been made as the reference in achieving this research objectives. Result shows the language register used in the lyric is very important in ensuring the work effects toward the listener especially to childrens.

Keywords: Register, language, word selection, song lyric, literary works.

Pengenalan

Definisi lirik lagu atau syair lagu dapat dianggap sebagai puisi begitu pula sebaliknya. Hal ini pernah dikatakan oleh Hadijah Rahmat (2006) iaitu definisi mengenai teks-teks puisi tidak hanya mencakupi jenis-jenis sastra melainkan juga merupakan ungkapan yang bersifat pepatah, pesanan iklan, semboyan-semboyan politik, syair-syair lagu pop dan doa. Sesebuah karya sastra merupakan karya yang penuh kreativiti yang menggunakan bahasa sastra, maksudnya bahasa yang digunakan haruslah dibezakan dengan bahasa sehari-hari atau bahasa ilmiah. Selain itu, sastra rakyat juga turut membawa maksud hasil-hasil kreatif yang termasuk dalamnya daya cipta imaginatif pencipta yang mengandungi

gambaran nilai-nilai *world view* masyarakat itu sendiri (Siti Hajar Abdul Aziz, 2011). Sastra rakyat merupakan salah satu daripada khazanah negara yang tidak ternilai harganya meletakkan sastra lebih utama berbanding dengan sejarah kerana sastra dapat meramalkan masa hadapan masyarakat itu. Hal ini adalah kerana sastra mampu menembusi batas kemungkinan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa melalui sastra juga, banyak perkara yang dapat dipelajari (Mohd Kassim Ismail, 2004). Selain itu, sifatnya yang penuh ekspresi ini menyebabkan bahasa sastra cenderung untuk mempengaruhi, memujuk dan pada akhirnya mengubah sikap pembaca atau pendengar (Othman Puteh & Abd. Samad, 1984).

Lagu yang terbentuk dari hubungan antara unsur muzik dengan unsur syair atau lirik merupakan salah satu bentuk komunikasi massa (Nor'aini Tahir, Roszikin Zakaria & Zainab Zakaria, 2007). Pada tahap ini, lagu sekaligus dianggap merupakan media penyampaian kepada pendengar dalam jumlah yang besar melalui media massa. Pesanan dapat disampaikan dalam pelbagai bentuk, baik secara lisan mahupun secara tulisan. Lirik lagu memiliki berbagai-bagai bentuk pesanan yang berupa tulisan kata-kata yang dapat digunakan untuk menciptakan suasana dan gambaran imaginasi tertentu kepada pendengarnya sehingga dapat menghasilkan makna-makna yang beragam (Mohd Kassim Ismail, 2004). Dalam fungsinya sebagai media komunikasi, lagu juga sering digunakan sebagai saranan untuk mengajak pendengar menghayati tentang realiti yang terjadi mahupun cerita-cerita imaginasi. Selain itu, lagu juga dapat digunakan untuk berbagai-bagai tujuan misalnya, dapat menyuntik rasa cinta antara satu sama lain, sebagai pembakar semangat dan juga lagu dapat digunakan untuk memprovokasi atau menyampaikan saranan propaganda untuk mendapatkan sanjungan serta menstabilkan emosi dan perasaan seseorang dengan tujuan untuk menanam sikap atau nilai yang dapat dirasakan oleh masyarakat sebagai hal yang wajar, benar dan tepat (Mohd Kassim Ismail, 2004).

Berikutan dengan hal itu, suatu hal yang tidak dapat dinafikan tentang adanya kaitan antara bahasa dengan sastera ialah dengan wujudnya aspek-aspek bahasa dalam karya sastera khususnya lirik lagu. Dalam erti kata yang lain, bahasa merupakan alat untuk menampilkan sastera (Othman Puteh, 1995: 439). Sehubungan dengan hal itu, melalui sastera, manusia akan menggunakan lambang-lambang bahasa untuk merakamkan fikiran dan juga pengalaman (Wallek & Warren, 1963). Oleh hal yang demikian, untuk memungkinkan sastera terus menjadi alat perhubungan bahasa yang berkesan, aspek-aspek sintaksis, fonologi, dan sistem semantiknyanya perlu diterapkan di dalam setiap karya sastera. Di sinilah perlunya kebijaksanaan

pengarang atau penulis lirik untuk menentukan unsur-unsur tersebut dipelbagaikan.

Othman Puteh (1995: 436) menyatakan bahawa di samping perkaitan bahasa dengan sastera, karya sastera juga adalah merupakan hasil daripada pengamatan, kepekaan, pemikiran, tafsiran, wawasan, aliran emosi, dan juga daya intelek pengarang terhadap fenomena kehidupan persekitarannya. Hal ini adalah kerana, sesebuah karya sastera dapat digolongkan sebagai karya yang baik dan bergantung kepada penggunaan bahasa yang terdapat di dalamnya (Asmah Omar, 1993). Berikutan dengan hal itu, secara tidak langsung dapat membantu pendengar atau penikmat karya untuk menerima dan memahami sesebuah karya yang dihasilkan jika bahasanya jelas, berkesan dan indah (Wallek & Warren, 1963). Untuk menimbulkan minat pendengar terhadap sesebuah karya, maka bahasa yang digarap di dalam karya haruslah mempunyai kehalusan dari segi keindahan laras bahasanya serta makna yang tepat dan berkesan. Tegasnya, kekuatan seseorang pengkarya dalam menghasilkan karyanya sangat bergantung kepada kebijaksanaannya memanipulasikan bahasa dengan sebaik mungkin (Mana Sikana, 1986:15).

Penggunaan Kata dalam Karya Kreatif untuk Kanak-Kanak

Ahli psikologi berpendapat bahawa kanak-kanak berkembang mengikut peringkat tertentu. Atan Long (1988) menjelaskan bahawa pada permulaannya kanak-kanak akan menerima iaitu mengembangkan keupayaan menerima pelbagai jenis bahan bacaan. Peringkat ini adalah sangat penting. Apabila kanak-kanak dapat menerima bahan bacaan, maka akan menyambut bahan-bahan tersebut dengan melibatkan pemerhatian secara aktif dan berinteraksi dengan bahasa. Namun begitu, terdapat juga kanak-kanak yang tidak boleh membaca dengan lancar dan tidak memahami perkara yang dibaca atau didengarinya. Ini mungkin disebabkan oleh bahan bacaan atau apa sahaja bahan am yang tersebut tidak mempunyai keseimbangan antara penggunaan perbendaharaan kata dengan

penguasaan bahasa kanak-kanak. Ahli psikologi juga telah membuktikan bahawa kanak-kanak pada peringkat awal tidak boleh disogokkan dengan perkataan yang kompleks. Pembelajaran hendaklah dimulakan secara beransur-ansur, iaitu bermula dengan perbendaharaan kata yang mudah iaitu perkataan yang sudah dikuasai oleh kanak-kanak dan bergerak kepada kata yang lebih sukar dan kompleks. Ini bermakna, perkataan yang sukar, dan perbendaharaan kata yang tidak sesuai dengan umur kanak-kanak akan menghilangkan minat mereka untuk terus belajar (Hasan Baseri Budiman, 2008).

Kajian oleh Mohd. Shukran Ab Majid (2006) mendapati bahawa aspek bahasa, terutamanya pemilihan perbendaharaan kata yang sesuai dengan umur dan latar belakang kanak-kanak sangat mempengaruhi minat kanak-kanak untuk membaca. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa keupayaan kanak-kanak dalam usaha untuk menguasai perbendaharaan kata pada sesuatu peringkat umur tertentu adalah satu aspek yang sangat penting dalam proses penyediaan buku teks dan bahan bacaan yang bermutu. Berdasarkan kajian tersebut jelaslah bahawa terdapat perbezaan penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan kanak-kanak yang berbeza umur dan keadaan latar belakang mereka.

Mengikut Azman Wan Chik (2000), bahan hiburan kanak-kanak perlulah sesuai dari segi latar belakang, umur, keupayaan mental, perkembangan bahasa dan juga minat kanak-kanak. Kesesuaian bahan hiburan atau pembelajaran mereka perlulah digabung dan dijalinan dengan konsep sains, kemasyarakatan, susila hidup, dan alam sekitarnya. Kesesuaian ini perlu dititik beratkan kerana kanak-kanak akan menjadi pemerhati sahaja tanpa mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian sekiranya bahan pembelajaran tersebut tidak menepati daya imaginasi dan juga emosi mereka. Berdasarkan kajian oleh Azman Wan Chik (2000) ini, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat beberapa kriteria penting yang perlu diberi perhatian terutamanya dari aspek bahasa dalam penulisan bahan pembelajaran kanak-

kanak iaitu latar belakang umur, keupayaan mental, perkembangan bahasa dan minat, dikawal bahasanya dari segi perbendaharaan kata dan struktur serta tidak dibahagikan mengikut subjek seperti sains, geografi, sejarah dan sebagainya tetapi digabungkan sebagai bahan pembelajaran “hidup” yang sebenarnya. Ciri yang terakhir yang ditekankan oleh beliau dalam kajiannya ialah semua karya yang dihasilkan untuk kanak-kanak haruslah dapat menggerakkan motivasi kanak-kanak untuk terus menyelami karya-karya kreatif yang dihasilkan.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Normaliza Abd Rahim (2014) turut menjelaskan bahawa melalui lirik lagu yang baik dan juga melodi yang menarik secara langsung dapat meningkatkan tahap minat pelajar terhadap proses pembelajaran. Malah, mampu meningkatkan tahap motivasi pelajar di samping turut membantu proses pembangunan kemahiran berfikir para pelajar. Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Aripin Said (1996) yang menyatakan bahawa rata-rata sastera kanak-kanak yang dihasilkan bertujuan untuk menyumbang kepada pembangunan minda dan tingkah laku kanak-kanak. Selain itu, kajian tersebut turut menekankan bahawa watak-watak yang ditonjolkan dalam lirik lagu mempunyai pro dan kontra atau lebih mudah disebut sebagai watak negatif dan positif, namun pengakhirannya pasti akan diselitkan dengan nilai-nilai yang baik agar pelajar dapat mempelajari sesuatu melalui lagu yang diperdengarkan kepada mereka. Perkara ini turut disokong oleh Misran Rokimin (2001) yang menyatakan bahawa bahan sastera bukanlah sesuatu yang dianggap sebagai alat untuk memberi hiburan semata-mata, tetapi mempunyai nilai yang tersendiri dalam menyampaikan input kepada khalayak dalam cara yang paling halus atau sopan.

Metodologi

Batasan kajian merupakan suatu perkara yang menjadi pegangan untuk merancang strategi sebelum melakukan sesuatu kajian. Oleh itu, setiap kajian yang dijalankan sewajarnya

mempunyai batasan kajian yang sistematik dan mapan bagi menghasilkan suatu kajian berkualiti. Batasan kajian ini meliputi beberapa aspek penting iaitu, sampel, instrumen, lokasi, prosedur dan teori yang digunakan dalam merancang serta menghasilkan kajian dengan sempurna. Sehubungan dengan hal itu, kajian ini menggunakan teks lirik lagu “Hakim Yang Bijaksana” sebagai bahan utama kajian. Kajian ini merupakan kaedah analisis kandungan, maka analisis data akan dilakukan dengan menganalisis bait demi bait dengan berpandukan kepada kajian peristiwa oleh Asmah Haji Omar (1977). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan membataskan kepada beberapa jenis laras bahasa sahaja iaitu terdiri daripada laras pernyataan, laras pertanyaan, laras penerimaan, laras andaian dan juga laras permintaan.

Pembahasan Lirik Lagu

Hakim Yang Bijaksana

(Lirik: Profesor Madya Dr Normaliza Abd Rahim)

Si kaya tinggal di kota bersama keluarganya
Si miskin tinggal di belakang rumah mereka
Si kaya terlalu sibuk mencari harta
Si miskin hidup dengan gembira

Si kaya yang kurus terkejut melihat
Si miskin yang gemuk dan selalu gembira
Bau masakan dari rumah si kaya
Membuatkan mereka berselera

Si kaya tinggal di kota bersama keluarganya
Si miskin tinggal di belakang rumah mereka
Si kaya terlalu sibuk mencari harta
Si miskin hidup dengan gembira

*Si kaya marah dengan jawapan si miskin
Lalu diadu kepada seorang hakim
Si kaya mahukan ganti rugi
Si miskin sedih tidak terperi

Si miskin menyediakan ganti rugi
Wang emas dijatuhkan ke dalam mangkuk besi
Si kaya tersenyum mengira bunyi
Wang emas yang akan dipunyai

Lalu, hakim bersetuju
Si miskin hanya bau makanan kamu
Si kaya hanya mendengar bunyi wang satu persatu

Terlepaslah si miskin, si kaya berasa malu

Si kaya tinggal di kota bersama keluarganya
Si miskin tinggal di belakang rumah mereka
Si kaya terlalu sibuk mencari harta
Si miskin hidup dengan gembira

Sinopsis Lirik Lagu “Hakim Yang Bijaksana”

Lagu ini mengisahkan tentang seorang yang kaya dan tinggal di kota bersama isterinya. Rumah yang didiami oleh orang kaya ini sangatlah besar dan ternyata memang mempunyai banyak harta. Mereka juga mempunyai ramai orang gaji untuk menguruskan hal-hal di dalam rumahnya itu. Di belakang rumah si kaya ini terletaknya sebuah rumah usang yang dipunyai oleh seorang miskin yang juga tinggal bersama-sama dengan isterinya. Walaupun si kaya mempunyai banyak harta dan kemewahan, tetapi badan si kaya ini tetap kurus melidi sedangkan si miskin pula berbadan gemuk gedempol. Perbezaan fizikal yang ketara ini adalah disebabkan oleh faktor gaya hidup si kaya dan si miskin yang sangat berbeza. Si kaya sentiasa hidup dengan urusan mencari harta dan sentiasa hidup dalam kebimbangan kerana memikirkan perniagaannya, manakala si miskin pula sentiasa hidup gembira tanpa memikirkan apa-apa masalah kerana mereka bersyukur dengan apa yang ada. Pada suatu hari, si kaya dan si miskin telah berjumpa ketika sedang berjalan. Melihat akan si miskin yang gemuk gedempol itu, si kaya tertanya-tanya apakah makanan yang telah menjadikan dia sihat sebegini? Lalu si miskin menjawab bahawa bau masakan yang sedap daripada rumah si kaya telah membuka selera si miskin untuk menjamah makanan mereka yang tidak seberapa itu. Inilah yang menjadikan kami sihat sebegini. Jawapan yang diutarakan oleh si miskin itu telah menimbulkan rasa tidak puas hati si kaya terhadap si miskin. Disebabkan rasa tidak berpuas hati itu, maka si kaya telah mengadu akan hal ini kepada seorang hakim untuk diadili. Setelah mendengar aduan daripada kedua-dua belah pihak, maka hakim telah menjatuhkan hukuman yang setimpal terhadap tertuduh. Hakim telah bertanya kepada si kaya adakah beliau telah bersedia untuk menerima

wang emas tersebut? Si kaya dengan pantas mengangguk tanda setuju. Setelah itu, hakim mengangkat wang emas itu dan menjatuhkan satu persatu ke dalam mangkuk besi yang telah disediakan. Maka berdentinglah bunyinya. Si kaya pun membilang satu persatu bunyi wang emas dan serta merta membayangkan wang emas yang akan dimilikinya. Namun, akhir sekali hakim telah menunjukkan kebijaksanaan dan keadilannya untuk mengadili kes itu. Kata hakim, memandangkan si miskin hanya menghidu bau masakan yang keluar dari rumah si kaya, maka kamu juga hanya layak mendengar bunyi dentingan wang emas itu. Setelah itu perbincangan telah tamat. Maka terlepaslah si miskin daripada aduan itu, tetapi kesannya si kaya dan isterinya pula berasa malu akan sikapnya sendiri.

Keputusan dan Perbincangan

Teks lirik lagu “Hakim Yang Bijaksana” seperti yang ditunjukkan dalam bahagian pembahasan lirik lagu di atas akan dianalisis dengan mengenal pasti terlebih dahulu jenis-jenis laras bahasa yang diaplikasikan di dalam lirik lagu berkenaan secara berstruktur dengan mengambil kira kajian peristiwa yang dijalankan oleh Asmah Haji Omar (1977). Setelah itu, kajian ini juga akan melihat pula sejauh mana tahap kesesuaian penggunaan perkataan oleh penulis lirik dalam lirik lagu dengan tahap pencapaian kanak-kanak.

Struktur Laras Pernyataan

Jadual 1: Laras Pernyataan dalam Lirik Lagu “*Hakim Yang Bijaksana*”

Bilangan Data	Lirik Lagu
D1	Si kaya tinggal di kota bersama keluarganya
D2	Si miskin tinggal di belakang rumah mereka
D3	Si kaya terlalu sibuk mencari harta
D4	Si miskin hidup dengan gembira

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa penulis lirik mengaplikasikan struktur laras pernyataan sebagai laras yang pertama

digunakan untuk menyampaikan karyanya kepada khalayak. Menurut Asmah Haji Omar (1997), pernyataan adalah lakuan bahasa yang bertindak untuk mengungkapkan fikiran, menyatakan atau memberi maklumat tentang sesuatu seperti keadaan, peristiwa, sifat atau apa sahaja baik yang konkrit mahupun yang abstrak. Berikutan dengan hal itu, daripada D1, D2, D3, dan D4 dalam Jadual 1 di atas jelas menunjukkan bahawa sememangnya penulis lirik menggarap elemen laras bahasa pernyataan dalam lirik lagu ini bagi menyampaikan atau memberitahu terlebih dahulu berkaitan perihal watak-watak dan juga latar belakang watak-watak yang terlibat dalam lirik lagu berkenaan bagi menyempurnakan proses penceritaan dalam lirik lagu itu sendiri. Sebagai contoh, hal ini jelas terbukti apabila D1 dalam Jadual 1 iaitu merupakan bait lagu yang menceritakan kepada pendengar tentang watak si kaya yang tinggal di kota bersama-sama dengan keluarganya. Manakala D2 pula, merupakan bait lagu yang menceritakan tentang penempatan si miskin yang berada tidak jauh dari rumah si kaya tadi. D3 pula berperanan menceritakan kepada pendengar berkaitan dengan aktiviti si kaya ini yang sangat sibuk mengumpul dan mencari harta sedangkan dalam D4 pula, penulis lirik sekali lagi bijak mengatur bahasanya apabila menceritakan kehidupan si miskin yang selalu bahagia dan gembira.

Selain itu, laras pernyataan dalam Jadual 1 ini juga berperanan sebagai elemen yang mampu membawa pendengar untuk membayangkan atau berimajinasi terlebih dahulu dengan situasi yang dibawa oleh penulis (Nik Hassan Basri Nik Abd Kadir, 2007). Hal ini dapat dilihat dalam D1 dalam Jadual 1 di atas yang menceritakan tentang kehidupan si kaya dan keluarganya di kota. Apabila menyebut tentang kehidupan di kota, secara langsung pendengar dapat membayangkan tentang kehidupan yang dilimpahi dengan kemewahan. Justeru itu, jelaslah di sini bahawa permulaan atau intro teks lirik lagu yang mengaplikasikan struktur laras bahasa pernyataan ini merupakan permulaan yang sangat menarik dan sesuai kerana melalui penerapan kata-kata indah yang berkesan, secara

tidak langsung berjaya mengheret pendengar untuk berimajinasi tentang suasana persekitaran yang diceritakan seolah-olah berada pada suasana dan tempat berkenaan. Dari sudut pemilihan kata bagi bait-bait ini pula, hasil kajian mendapati penulis lirik berjaya menggunakan kata-kata yang mudah untuk difahami dalam setiap bait-bait lirik yang dihasilkan. Jelaslah, penulis lirik berjaya memilih kata-kata yang sesuai dan mudah bagi melukiskan perwatakan dan suasana yang melatari cerita dalam lagu “Hakim Yang Bijaksana” ini. Walaupun bahasa yang digunakan adalah mudah dan ringkas, tetapi tetap dapat menimbulkan kesan yang mendalam kepada khalayak pendengar khususnya golongan kanak-kanak. Normaliza Abd Rahim (2014) juga berpendapat bahawa sekiranya kanak-kanak dapat memberi persepsi yang baik melalui lagu yang didengari, maka ini bermakna pelajar telah berjaya mengeksploitasi segala mesej yang cuba disampaikan oleh penulis lirik melalui bait-bait lagunya. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Umar Junus (1988) yang menyatakan bahawa gaya atau laras ialah cara penulis memanipulasi penggunaan bahasa sesuai dengan apa yang hendak disampaikan sehingga menimbulkan kesan yang tertentu kepada khalayak.

Struktur Laras Pertanyaan

Jadual 2: Laras Pertanyaan dalam Lirik Lagu “Hakim Yang Bijaksana”

Bilangan Data	Lirik Lagu
D5	Si kaya yang kurus terkejut melihat
D6	Si miskin yang gemuk dan selalu gembira
D7	Si kaya marah dengan jawapan si miskin

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa laras pertanyaan turut terdapat dalam lirik lagu “Hakim Yang Bijaksana”. Laras pertanyaan merupakan laras yang sentiasa digunakan dalam karya-karya kreatif yang diwujudkan dalam ayat tanya. Walau bagaimanapun, jika

diperhatikan dengan teliti dalam Jadual 2, kesemua data di atas masing-masing tidak menunjukkan secara terang tentang penggunaan struktur laras pertanyaan di dalam bait-bait lirik dalam lagu “Hakim Yang Bijaksana” ini. Walau bagaimanapun, kewujudan laras pertanyaan ini hanya dapat dikesan apabila penulis menggunakan perkataan *jawapan* seperti mana yang di tunjukkan dalam D7 pada Jadual 2 di atas. Hal ini bermakna, bait-bait lirik D7 ini sudah pasti mengandungi elemen laras pertanyaan. Contohnya jelas dapat dilihat dalam D5 di atas iaitu bait yang menyebut “si kaya yang kurus terkejut melihat” sebenarnya menggambarkan kepada pendengar bahawasanya si kaya berasa sangat terkejut dan tertanya-tanya apakah yang membuatkan bentuk fizikal si miskin itu menjadi gemuk dan gembira. Menurut Asmah Haji Omar (1986), pertanyaan adverb ditandai oleh adverb tanya yang biasanya diwakili oleh kata struktural “mengapa”, “kenapa”, “bagaimana” dan sebagainya. Meskipun begitu, kata-kata struktural seperti mana demikian dilihat agak janggal sekiranya dimasukkan dalam bait-bait lagu mahupun puisi (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2007). Malahan, menurut Hashim Musa (1993) kata tanya terdiri daripada sejumlah perkataan yang boleh hadir pada posisi praayat, untuk melahirkan sesuatu pertanyaan tertentu. Selain daripada kata tanya praayat ini, masih lagi terdapat cara atau teknik yang lain dalam bahasa Melayu seperti ganti nama tanya, kata bilangan tanya, partikel penegas tanya, dan intonasi tanya yang dapat melahirkan maksud pertanyaan, tetapi semua itu bukanlah struktur praayat (Hashim Musa, 1993). Selain itu, Nik Safiah Karim *et al.*, (1993) menjelaskan bahawa ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal serta memerlukan jawapan. Dalam bahasa Melayu, ayat tanya ditandai oleh intonasi tanya yang mempunyai nada meninggi sedikit sebelum kesenyapan terakhir. Jadi, jawapan yang diperlukan boleh dinyatakan dalam dua jenis sama ada ayat tanya tertutup mahupun ayat tanya terbuka.

Struktur Laras Andaian/Jawapan

Jadual 3: Laras Andaian/Jawapan dalam Lirik Lagu “*Hakim Yang Bijaksana*”

Bilangan Data	Lirik Lagu
D8	Bau masakan dari rumah si kaya
D9	Membuatkan mereka berselera
D10	Wang emas yang akan dipunyai

Hasil kajian yang ditunjukkan dalam D8, D9, dan D10 pada Jadual 3 di atas dapat diklasifikasikan sebagai data laras andaian atau jawapan bagi persoalan atau pertanyaan yang diajukan sebelum ini. Persoalan atau pertanyaan yang dimaksudkan di sini ialah bagaimana si kurus boleh menjadi gemuk dan gembira sedangkan si miskin hanya berbadan kurus. Persoalan ini boleh dilihat dalam D6 dalam Jadual 2 di atas. D8 iaitu bait yang menyebut “Bau masakan dari rumah si kaya” dan juga D9 yang menyebut “Membuatkan mereka berselera” sebenarnya adalah jalan keluar kepada pertanyaan di dalam D6. Hal ini adalah kerana, si miskin menjawab bahawa dia menjadi gemuk kerana bau masakan yang menyelerakan daripada rumah si kaya setiap hari telah membuatkan dia semakin berselera untuk menjamah makanan yang berada di rumahnya meskipun tidaklah sedesap mana jika ingin dibandingkan dengan makanan yang terdapat di rumah si kaya tersebut. Walau bagaimanapun, bait-bait dalam D8, D9 dan juga D10 di atas juga boleh diklasifikasikan sebagai laras pernyataan. Hal ini disebabkan oleh ayat yang disebut itu mempunyai potensi untuk mengungkapkan fikiran bagi memberikan maklumat tertentu. Hal ini bermakna, D8, D9 dan D10 di atas merupakan pernyataan oleh si miskin terhadap si kaya bahawa beliau hanya mengambil bau sahaja bagi menambahkan selernya. Menurut Asmah Haji Omar (1997), dengan membuat andaian orang yang mengemukakan pertanyaan boleh menguji kesahihan keterangan yang diberikan oleh orang yang disoal. Sehubungan dengan hal itu, jelaslah di sini bahawa ayat yang diujarkan oleh si miskin dalam D8 dan D9 di atas itu sebagai ujaran yang menghendaki adanya gerak

balas, baik gerak balas yang berupa jawapan mahupun yang berupa tindakan.

Seterusnya, dari sudut penggunaan perkataan pula, kajian ini mendapati bahawa penulis banyak menggunakan perkataan-perkataan yang pendek iaitu terdiri daripada satu, dua atau tiga suku kata sahaja. Ini bermakna, penulis lirik tidak sama sekali menggunakan perkataan yang panjang atau sulit kerana mungkin tidak sesuai dengan golongan sasaran pendengar iaitu golongan kanak-kanak. Sulaiman Masri (1975) menyatakan bahawa yang harus digunakan dalam karya untuk kanak-kanak hendaklah sesuai dengan taraf pencapaian bahasa kanak-kanak. Sulaiman Masri (1975) juga menyebut bahawa bahasanya perlulah diolah dengan baik, logik dan tidak terdapat bahasa rojak atau bahasa yang kesat kerana akan memberikan input tidak baik kepada kanak-kanak. Sebagai contoh, perkataan-perkataan yang mudah dan ringkas yang banyak digunakan oleh penulis lirik jelas terpapar pada jadual 3 di atas seperti “*bau*”, “*masakan*”, “*rumah*”, “*kaya*” “*emas*” dan sebagainya. Perkataan-perkataan yang menjadi pilihan penulis ini ternyata sesuai dengan pandangan Sulaiman Masri (1975) yang menegaskan bahawa pemilihan perkataan yang mudah dan dekat dengan persekitaran serta jiwa kanak-kanak secara langsung akan membolehkan berlakunya satu serapan yang mendalam ke dalam jiwa kanak-kanak sewaktu membaca, mendengar atau menghayati sesuatu karya.

Struktur Laras Permintaan

Jadual 4: Laras Permintaan dalam Lirik Lagu “*Hakim Yang Bijaksana*”

Bilangan Data	Lirik Lagu
D11	Si kaya mahukan ganti rugi

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di atas, hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa dalam teks lirik lagu “*Hakim Yang Bijaksana*” ini menunjukkan bahawa penulis lirik turut menggunakan elemen laras permintaan bagi mempelbagaikan gayanya dalam menghasilkan lirik lagu ini. D11 di

atas iaitu “Si kaya mahukan ganti rugi” menceritakan tentang keinginan atau kemahuan si kaya untuk mendapatkan ganti ruginya daripada si miskin yang dirasakan telah mencuri sebahagian daripada hartanya meskipun apa yang dimaksudkan dengan mencuri itu hanyalah dengan mencuri bau sahaja. Bait di atas semakin kuat untuk digolongkan sebagai bait yang mengandungi laras permintaan kerana hadirnya perkataan *mahukan*. Walaupun si kaya kelihatan tidak begitu serius dengan permintaannya itu, namun penggunaan partikel penegas *kan* dalam perkataan *mahukan* jelas menunjukkan bahawa si kaya benar-benar mahukan ganti rugi daripada si miskin tersebut. Dalam bahasa Melayu, ayat permintaan seringkali menggunakan kata “minta” dan “tolong” bagi menandai ayat yang berlaras permintaan ini sebaliknya menggunakan kata “mahukan” sebagai penanda bagi ayat permintaan. Penggunaan ayat ini sebenarnya ada kaitan dengan peristiwa yang cuba digambarkan dalam penulisan lirik lagu “Hakim Yang Bijaksana” ini. Menurut Asmah Haji Omar (1986), perintah mempunyai dua subsistem, iaitu terdiri daripada perintah eksklusif dan perintah inklusif. Oleh sebab bait yang digarap dalam laras permintaan atau perintah di atas diungkapkan secara halus, maka merupakan permintaan atau silaan yang tergolong dalam laras memerintah eksklusif positif (Asmah Haji Omar, 1986). Ringkasnya, dapat dikatakan di sini bahawa penulis lirik bijak dalam mengeksploitasi penggunaan ayat berdasarkan sesuatu peristiwa yang berlaku.

Seterusnya, berdasarkan analisis yang dijelaskan dalam laras permintaan ini dapatlah dirumuskan bahawa penulis lirik mempelbagaikan laras dalam setiap bait yang cuba untuk disampaikan kepada pendengar. Pemilihan kata yang baik dan bersahaja menjadikan setiap kata adalah sesuai dengan perkembangan laras dalam penyampaian lirik lagu kepada khalayak khususnya golongan kanak-kanak (Siti Khariah Mohd Zubir, 2007). Berikutan dengan itu, dari segi penggunaan kata dalam Jadual 4 di atas, ternyata penulis banyak menggunakan perkataan yang dapat dianggap sebagai unsur yang memperlihatkan

daya kekuatan yang dapat menarik minat kanak-kanak secara langsung. Selain itu, penganalisisan terhadap laras dan kata dalam bait yang diutarakan turut memperlihatkan kepada umum tentang pembacaan penulis lirik yang luas sehingga kecendekiannya turut terpancar.

Struktur Laras Penerimaan/Persetujuan

Jadual 5: Laras Penerimaan/Persetujuan dalam Lirik Lagu “Hakim Yang Bijaksana”

Bilangan Data	Lirik Lagu
D12	Si miskin menyediakan ganti rugi
D13	Lalu, hakim bersetuju
D14	Si kaya hanya mendengar bunyi wang satu persatu

Dalam data D12, D13, dan D14 dalam Jadual 5 di atas mendapati bahawa penulis lirik turut sama menggunakan elemen laras penerimaan atau persetujuan sebagai sebahagian dalam laras bahasa bagi lirik “Hakim Yang Bijaksana” ini. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohamad (1994), fungsi ayat sebenarnya ditentukan oleh makna ayat. Sehubungan dengan hal itu, jelaslah di sini bahawa D12 yang menyebut “Si miskin menyediakan ganti rugi” sudah membawa maksud bahawa si miskin bersetuju dengan permintaan yang disuarakan oleh si kaya untuk membayar kembali kerugian yang dialami oleh si kaya tersebut. Bait dalam D13 pula yang berbunyi “Lalu, hakim bersetuju” sebenarnya sudah cukup jelas untuk mengaitkan bait ini dengan laras bahasa permintaan atau persetujuan kerana penulis sudah dengan jelas menyebut perkataan “bersetuju” bagi menggambarkan situasi bahawasanya penulis sudah bersedia untuk menjatuhkan hukuman terhadap si miskin dengan hukuman yang setimpal mengikut kepada aduan yang dilakukan oleh si kaya berkenaan.

Selanjutnya, dari aspek penggunaan kata bagi laras penerimaan ini pula, penulis lirik dilihat sangat menitikberatkan tentang kesesuaian perkataan bagi menggambarkan situasi. Hal ini dapat dilihat seperti mana yang

ditunjukkan dalam Jadual 5 di atas. Contohnya dalam D14 yang terdapat pada Jadual 5 di atas, penulis menggandingkan perkataan “*bunyi*” untuk mengaitkannya dengan perkataan “*wang emas*”. Jadi di sini, kanak-kanak secara tidak langsung dapat membayangkan bahawa “*wang emas*” yang digambarkan dalam situasi tersebut adalah merupakan wang yang keras seperti mana syiling-syiling yang lain. Menurut Sulaiman Masri (1975), jika sesebuah karya yang dihasilkan tidak dapat membantu kanak-kanak untuk berimajinasi, maka karya itu dianggap telah gagal dalam mempengaruhi fikiran khalayaknya. Oleh itu, menurut Sulaiman Masri (1975) lagi, dalam usaha untuk menimbangkan kesukaran bahasa, kebolehan dan penerimaan kanak-kanak terhadap bahasa yang digunakan dalam karya sastera tersebut, maka soal bahasa haruslah menjadi kriteria pemilihan yang utama. Normaliza Abd Rahim (2014) juga turut menyatakan bahawa bagi menimbulkan motivasi kanak-kanak untuk terus membaca dan menghayati lagu kanak-kanak, maka aspek kebahasaan haruslah diberi keutamaan.

Kesimpulan

Hasil analisis mendapati bahawa struktur laras bahasa yang digarap dalam setiap karya khususnya teks lirik lagu sangat memainkan peranan penting bagi membentuk kesatuan yang harmonis dalam lirik lagu kajian iaitu lirik lagu “*Hakim Yang Bijaksana*” ini. Walaupun struktur lirik lagu bukanlah penentu yang mutlak dalam mengukur kejayaan sesebuah lagu namun, penggunaan laras bahasa yang baik dan berkesan secara tidak langsung akan dapat menghidupkan jalan cerita dalam lirik lagu (Mohamad Ali Majod, 1989).

Kajian juga mendapati penulis lirik lebih kerap menggunakan laras pernyataan dalam menghasilkan lirik lagu “*Hakim Yang Bijaksana*” ini untuk menyampaikan maklumat kepada khalayak. Malahan, penulis juga dilihat sangat teliti dalam usaha untuk menyampaikan rasa keluhan, perintah, permintaan, kejutan, persetujuan, luahan hati dan maksud-maksud tersirat yang lain. Hal ini jelas menunjukkan

bahawa pengaplikasian laras-laras bahasa dalam karya kreatif ini sangat bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu yang banyak menggunakan bahasa kiasan atau tersirat untuk menjaga hati dan perasaan sesama insan. Oleh hal yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa struktur laras bahasa yang terdapat dalam lirik lagu kajian ini adalah satu kejayaan bagi penulis lirik dalam merealisasikan situasi dan peranan watak-watak berdasarkan konteks penutur dan pendengar.

Dari sudut pemilihan kata pula, kajian ini mendapati bahawa pemilihan kata yang digunakan oleh penulis lirik untuk melukiskan sosiobudaya dan perwatakan yang melatari ceritanya adalah sangat tepat dan mudah untuk difahami. Sejajar dengan itu, Nor Azlina Abdul Wahab (1999) menyatakan bahawa kanak-kanak perlu didedahkan dengan sebanyak mungkin kepada pengaruh dan rangsangan linguistik dari persekitarannya melalui pelbagai konteks seperti penglihatan, pendengaran dan juga perkembangan minda. Penulis lirik juga dilihat menggunakan kepelbagaian kosa kata yang luas bagi melukiskan gaya hidup, sikap dan suasana antara satu dengan yang lain. Penulis lirik juga berjaya menyesuaikan kosa kata yang digunakan dengan persoalan dan watak yang mendukung cerita. Hal ini secara tidak langsung telah berjaya menuntut kreativiti, imaginasi, sensitiviti, dan kemahiran berbahasa penulis lirik. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan di sini bahawa penulis lirik telah berjaya menjadikan lirik lagu ini menarik jika dilihat dari aspek gaya bahasanya. Penulis lirik juga bijak dalam menyesuaikan bahasa, kalimat, dan juga pemilihan kata-kata dengan peringkat umur dan pencapaian pemikiran pendengar. Struktur ayat yang digunakan juga adalah sangat sesuai kerana kurangnya bait-bait lirik lagu yang panjang dalam teks lirik lagu. Jika hal ini berlaku, sudah pasti lirik yang dihasilkan kurang menarik dan agak sukar untuk difahami. Perkataan-perkataan yang sukar juga tidak terlalu banyak, apatah lagi pemilihan perkataan yang tidak seimbang dengan persoalan cerita sama sekali tidak dikemukakan.

Berdasarkan penelitian struktur laras bahasa dalam lirik lagu “Hakim Yang Bijaksana” ini, cadangan dapat dikemukakan. Pertama, kesinambungan kajian ini dalam bidang struktur lirik lagu yang melibatkan penggunaan wacana wajar diperluas agar aspek makna dapat diinterpretasikan dengan lebih berkesan. Kedua, bidang linguistik Melayu harus diperluas terutama dalam konteks penganalisisan makna mengikut penggunaannya. Justeru itu, melalui penulisan dan penghasilan karya kreatif seperti lirik lagu ini merupakan salah satu medan yang menjadi wadah perjuangan pengarang dalam memartabatkan bahasa Melayu. Ketiga, dalam penghasilan sesebuah karya yang baik dan bermutu, elemen yang dititikberatkan ialah bahasa. Oleh hal yang demikian, kajian bahasa berdasarkan teks lirik lagu harus diperkembangkan kerana di sinilah terdapatnya idea-idea yang tersirat dapat digali. Dengan itu, tumpuan dan perhatian terhadap pendekatan nahu wacana perlu diberi perhatian kerana melalui pendekatan inilah, bahasa Melayu dapat berkembang setanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Secara keseluruhannya, penelitian yang berkaitan dengan lirik-lirik lagu ini diharap dapat diperkembang dan diberi perhatian kerana karya yang baik dapat memberikan kesan yang positif dan juga sebagai pencetus minda agar dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Tuntasnya, lirik lagu kanak-kanak merupakan sebuah bahan yang diwarisi dari generasi kepada satu generasi yang lain. Lirik lagu kanak-kanak yang sentiasa ceria, semangat, dan mudah sudah pasti tidak pernah lenyap dalam minda kanak-kanak. Dalam konteks ini, maka jelas memperlihatkan bahawa lagu-lagu yang tercipta untuk kanak-kanak yang terdapat di negara kita banyak memberi manfaat kepada kanak-kanak untuk melahirkan generasi yang berdaya saing dan maju pada masa akan datang. Di samping itu, menerusi bahan digital seperti ini juga dirasakan sangat penting bagi menjana idea dan memotivasikan minda kanak-kanak (Rozaiman Mahmud, 2007). Oleh hal yang demikian, melalui penelitian yang dijalankan oleh pengkaji, dapatlah disimpulkan di sini bahawa lagu kanak-kanak juga mampu

mencabar pemikiran kanak-kanak agar mereka dapat meningkatkan daya berfikir secara lebih kreatif dan kritis.

Rujukan

- Azman Wan Chik. (2000). *Kanak-kanak dan Bacaan: Dari Mana Hendak ke Mana?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. (1988). *Satu Penyiasatan Berhubung Perbendaharaan Kata Asas Kanak-kanak di dalam Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said. (1996). *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Annas Haji Ahmad. (1964). *Sastera Melayu Lama*. Pulau Pinang: Sinaran Bhd. Bros Ltd.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Perkembangan Mental*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1997). *Wacana Temuduga dan Wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor'aini Tahir, Roszikin Zakaria & Zainab Zakaria. (2007). *Perkembangan Kognitif & Pembelajaran Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Meteor Doc. Sdn. Bhd.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Kassim Ismail. (2004). *Sastera Rakyat Suatu Warisan, Siri Kajian Sastera Fajar Bakti*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the Animal Fable ‘Bird Of Paradise’ Song. *Asian Social Science Journal*, October, 10 (19): 17-23.

- Othman Puteh & Abd. Samad. (1984). *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1995). Berbagai-bagai Aspek Buku Kanak-kanak Berdasarkan Buku yang Telah Diterbitkan: “*Suatu Kajian Ringkas Terhadap Tema dan Struktur*”. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Shukran Ab Majid. (2006). *Pemikiran dalam Konsensus Adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Misran Rokimin. (2001). *Pendidikan Moral menerusi Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Ali Majod. (1989). Penerbitan Buku Kanak-kanak Dewan Bahasa dan Pustaka. Kertas Kerja dalam *Konvensyen Sastera Kanak-kanak*, Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka, 26-27 Jun 1989.
- Mana Sikana. (1986). *Kritikan Sastera: Pendekatan dan Kaedah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim *et al.*, (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Rozaiman Makmun. (2007). *Bahan Sastera dalam Pengajaran Bahasa*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2007). *Peranan Bahasa dan Sastera: Umpama Irama dan Lagu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Bahasa Melayu 1*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Umar Junus. (1988). *Karya Sebagai Sumber Makna Pengantar Strukturalisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.